

Pembinaan Pakej Pengajaran Imbuhan Secara Berkesan

Ganda Sari Chokri
Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura
& Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Menengah Yishun
Dan

Rafidah Abd Razak
Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura
& Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Menengah Yishun

Nota Berkenaan Penulis

Ganda Sari Binte Chokri, Guru Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa Ibunda,
Sekolah Menengah Yishun & Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian
Pendidikan Singapura

Rafidah Abd Razak, Guru Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah
Menengah Yishun & Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan
Singapura

Untuk segala pertanyaan berkenaan kertas kerja ini, sila hubungi Ganda Sari
Chokri, Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Menengah Yishun, 4, Yishun Street
71, Singapore (76851)

Sila hubungi: ganda_sari_chokri@moe.edu.sg

ABSTRAK

Imbuan merupakan komponen yang penting dalam pengajaran Bahasa Melayu. Dalam Peperiksaan GCE Bahasa Melayu bagi Peringkat 'N' dan 'O', imbuan merupakan komponen yang membentuk 14 hingga 17 peratus daripada keseluruhan markah Kertas 2. Imbuan juga merupakan aspek tatabahasa yang perlu digunakan oleh pelajar dalam pembinaan struktur ayat yang gramatis sama ada bagi tujuan komunikasi, menjawab soalan pemahaman atau mengarang. Maka, kertas kajian ini akan membincangkan pendekatan, kaedah dan pedagogi yang digunakan dalam pembinaan pakej pengajaran imbuan secara berkesan. Pakej ini digubah dalam 3 fasa. Fasa pertama, iaitu mengenai pengajaran Imbuan Kata Nama. Fasa Kedua dan ketiga pula bersangkutan dengan pengajaran Imbuan Kata Kerja dan Kata Adjektif. Pakej ini diterapkan dalam pengajaran Bahasa Melayu melalui Kaedah Kajian Pembelajaran (Lesson Study) yang dijalankan selama tiga pusingan bagi setiap fasa. Pada masa ini, fasa pertama kajian ini telah pun diselesaikan. Penerapan konsep 'Models of Teaching' yang dipetik daripada buku "The Skillful Teacher" juga telah dilaksanakan dalam menyiapkan bahan pengajaran pakej ini. Data daripada praujian menunjukkan bahawa daripada 42 pelajar yang terlibat dalam kajian ini, 60% daripada mereka mendapat 60 markah bagi bahagian komponen imbuan sementara 30% pula gagal dalam komponen ini. Hanya 10% pelajar sahaja yang mendapat markah cemerlang (sama ada markah penuh atau 80% ke atas) bagi komponen ini. Kajian posujian yang dijalankan sebagai penutup bagi fasa pertama pula menunjukkan peningkatan jumlah pelajar yang mendapat markah cemerlang bagi komponen imbuan sebanyak 20%. Data ini menunjukkan keberkesanan pakej fasa pertama yang telah terhasil sejauh ini.

Kata Kunci: Imbuan, Mnemonics

Pengenalan

Imbuan merupakan salah satu aspek tatabahasa yang penting kerana melalui proses pengimbuhan, perkataan baharu akan terbina. Sifat imbuan yang sebegini menyebabkan imbuan sering digunakan dalam penggunaan bahasa seharian, sama ada dalam bentuk percakapan mahupun penulisan. Namun, proses pengimbuhan bukanlah suatu proses yang mudah difahami kerana proses ini merangkumi banyak aspek lain dan bersifat kompleks. Kadang-kala proses ini menimbulkan kekeliruan kepada pengguna bahasa, terutama sekali bagi mereka yang jarang membaca ataupun menggunakan bahasa Melayu secara gramatis dalam komunikasi harian.

Fenomena ini amat ketara dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Yishun. Pemerhatian guru mendapati bahawa semakin ramai pelajar menghadapi masalah menggunakan imbuan yang tepat, baik dalam penulisan mahupun pertuturan. Berdasarkan pemerhatian guru juga, pencapaian pelajar dalam komponen imbuan bagi Kertas Dua dan penulisan karangan dalam Kertas Satu juga turut terjejas. Keprihatinan ini mendorong guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Yishun untuk menjalankan sebuah tinjauan bagi mencari huraian bagi masalah yang dihadapi pelajar dalam mengaplikasikan penggunaan imbuan dalam pembelajaran bahasa.

Permasalahan

Tinjauan awal mengenai pembelajaran imbuan yang dijalankan pada 42 orang pelajar Menengah 2 di Sekolah Menengah Yishun mendapati bahawa 33.3% pelajar menyatakan bahawa pengajaran imbuan yang dijalankan guru tidak menarik. 38.1% pelajar mendapati pengajaran imbuan tidak dilakukan secara sistematik dan teratur. 31.4% pelajar tidak melihat kaitan imbuan dan penggunaan bahasa seharian manakala 28.6% pelajar didapati kurang membaca bahan-bahan dalam bahasa Melayu (rujuk Jadual 1). Tinjauan ini jelas menunjukkan permasalahan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa di dalam kelas yang perlu diatasi.

Jadual 1: Masalah yang Dihadapi dalam Pembelajaran Imbuan

Sebab \ Skala	1 Sangat Setuju	2 Setuju	3 Tidak Setuju	4 Sangat Tidak Setuju	Jumlah
Pengajaran imbuan yang dijalankan guru menarik	10 23.8%	18 42.9%	9 21.4%	5 11.9%	42 100%
Pengajaran imbuan dilakukan secara sistematik dan teratur	6 14.3%	20 47.6%	10 23.8%	6 14.3%	42 100%
Penggunaan imbuan berkaitan dengan penggunaan bahasa seharian	12 28.6%	13 40.0%	10 23.8%	7 7.6%	42 100%
Saya membaca bahan-bahan dalam Bahasa Melayu	10 23.8%	20 47.6%	9 21.4%	3 7.2%	42 100%

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan imbuhan kata nama para pelajar. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat keberkesanan pakej pengajaran imbuhan yang meliputi pengajaran dan pembelajaran yang menarik.

Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian tentang kaedah pengajaran imbuhan yang telah dijalankan. Kajian di Sekolah Kebangsaan Taman Permas Jaya, Malaysia (2012) yang menggunakan kaedah imlak, mendapati para pelajar begitu teruja mengecam dan mengklasifikasikan imbuhan mengikut golongan yang betul. Dalam kajian tindakan itu, para pelajar mengecam perkataan berimbuhan berdasarkan teks yang diperdengarkan kepada mereka. Kajian ini menunjukkan pelajar dapat menggolongkan perkataan berimbuhan yang terdapat dalam teks tersebut mengikut fungsi dan jenisnya.

Kajian di Sekolah Menengah Air Kuning, Perak (2012) pula cuba menggunakan pendekatan eklektik dalam menyampaikan pengajaran imbuhan Kata Kerja meN-. Dalam pendekatan itu, guru menggabungkan pendekatan deduktif dan induktif di dalam pembelajaran. Antara cara yang dicuba adalah dengan menggunakan teknik pencerakinan bahan-bahan autentik dan teknik soal jawab. Kajian tersebut mendapati bahawa pelajar dapat memusatkan perhatian mereka kepada pembelajaran. Para pelajar juga didapati dapat memahami pengajaran imbuhan dengan adanya penggunaan bahan autentik seperti keratan akhbar dan bahan kartun.

Di Singapura pula, guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Guangyang (2012) telah menggunakan Kajian Pengajaran (Lesson Studies) bagi pembelajaran imbuhan meN-...-kan dan meN-...-i menggunakan teknik menyoal secara pemerancah dengan menggunakan teknik menyoal secara pemerancahan. Pengajaran yang bersifat induktif ini melibatkan beberapa kitaran untuk memberi pemahaman kepada pelajar secara berperingkat-peringkat. Dapatan pascaujian yang dijalankan menunjukkan peningkatan dalam penguasaan imbuhan pelajar.

Dalam membina pakej pengajaran imbuhan ini, konsep Model Pengajaran atau '*Models of Teaching*' dalam tulisan Jon Saphier, Mary Ann Haley-Speca dan Robert Gower (2008) telah menjadi dasar kerangka pengajaran. Ia mengandungi nilai, matlamat, rasional dan haluan tentang bagaimana sesuatu pembelajaran harus berlangsung. Haluan ini boleh dikembangkan menjadi fasa khusus bagi guru dan pelajar lalu untuk mencapai dua matlamat iaitu pengajaran kandungan akademik dan pengajaran kemahiran berfikir. Hampir setiap model boleh digunakan untuk mengajar kandungan akademik dan kemahiran berfikir. Antara model pengajaran yang popular dan sering digunakan ialah Model Pemikiran Induktif, pencapaian konsep, pembelajaran kooperatif dan *Advance Organiser*.

Kajian yang terdahulu jelas membuktikan pemahaman dan penguasaan pelajar dalam pembelajaran imbuhan dapat dipertingkatkan melalui pelbagai kaedah.

Kaedah Kajian

Kajian ini memberi tumpuan pada analisis data secara kuantitatif. Kemudian, dapatan kuantitatif dihuraikan pula secara kualitatif.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 42 orang pelajar Menengah 2 tahun 2012. Mereka terdiri daripada pelajar aliran Ekspres dan Normal Akademik. 18 pelajar merupakan pelajar aliran Ekspres manakala 24 pelajar merupakan pelajar daripada aliran Normal Akademik. Mereka mengikuti kelas Bahasa Melayu sebanyak tiga kali seminggu selama sejam setiap sesi. Bagi tujuan kajian ini, satu sesi selama sejam setiap minggu digunakan bagi pelaksanaan pakej ini. Daripada 42 orang pelajar ini, 12 pelajar mendapat gred cemerlang A1 dan A2 bagi ujian penggal satu tahun 2012. 20 pelajar pula mendapat gred B3-B4 dan 9 pelajar mendapat gred rendah C5 dan C6 bagi ujian yang sama. Seorang pelajar gagal dalam ujian ini. Seperti yang telah dinyatakan dalam tinjauan yang dijalankan, 71.4% daripada pelajar ini kurang membaca bahan-bahan dalam bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, beberapa instrumen kajian telah digunakan. Sebelum pakej digunakan di kelas, para pelajar telah menduduki praujian untuk memastikan tahap pemahaman mereka dalam komponen imbuhan. Mereka juga turut diberikan borang tinjauan yang bertujuan mengenal pasti strategi yang digunakan pelajar semasa membuat latihan menggunakan imbuhan.

Untuk melihat reaksi pelajar terhadap bahan-bahan serta strategi pengajaran, pemerhatian guru terhadap respons serta cara belajar para pelajar dititikberatkan dalam kajian ini. Pemerhatian guru-guru direkodkan (Rujuk Jadual 1).

Selain itu, tugas individu yang dilakukan oleh pelajar di lembaran kerja turut diteliti (Rujuk Jadual 2). Selepas diteliti, hasil kerja pelajar ini disaring dan diasingkan mengikut empat band iaitu; band lemah, band hampir berjaya, band berjaya dan band cemerlang.

Di akhir fasa, pelajar akan menduduki pascaujian yang bertujuan menilai kemajuan yang ditunjukkan pelajar setelah melalui pengajaran pakej imbuhan selama tiga minggu.

Prosedur Kajian

Sebelum pakej ini dilaksanakan di dalam kelas, guru terlebih dahulu menjalankan praujian dan juga refleksi pelajar bagi menilai pencapaian pelajar dalam bahagian imbuhan. Dapatan daripada ujian praujian dan refleksi ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada bahagian dapatan kajian nanti.

Pakej ini dibahagikan kepada tiga komponen utama. Komponen pertama ialah komponen imbuhan yang membentuk kata nama. Komponen kedua adalah tentang imbuhan yang membentuk kata kerja dan komponen yang ketiga pula terdiri daripada imbuhan yang membentuk kata adjektif. Setiap komponen boleh dilaksanakan dalam masa tiga sesi selama sejam setiap sesi.

Setiap komponen dibahagikan lagi kepada tiga fasa. Fasa pertama sebagai fasa pengenalan. Fasa kedua merupakan fasa pengukuhan dan fasa ketiga sebagai fasa aplikasi.

Bagi tujuan kajian ini, hanya komponen imbuhan yang membentuk Kata Nama sahaja yang akan dibincangkan.

Fasa 1 Pengenalan: Komponen Imbuhan yang membentuk Kata Nama

Dalam fasa ini, para pelajar diingatkan dan diperkenalkan semula kepada asas morfologi bahasa Melayu, iaitu mengenai penggolongan kata. Para pelajar diajar semula tentang perbezaan kata dasar dan kata terbitan. Pengulangan semula ini dilakukan dengan menggunakan model pengajaran pemikiran induktif. Para pelajar terlebih dahulu diperkenalkan kepada konsep imbuhan. Untuk mengukuhkan konsep ini, para pelajar akan mengenal pasti dan menggolongkan semua perkataan berimbuhan yang mereka temui di dalam sebuah petikan cerita naratif secara individu.

Guru kemudian menerangkan bahawa seperti kata dasar, kata terbitan juga boleh digolongkan mengikut jenisnya; kata nama, kata kerja atau kata adjektif. Penggolongan kata seharusnya sudah dipelajari pelajar di peringkat Menengah 1. Namun, sebagai langkah pengulangan, guru boleh secara ringkas menerangkan konsep penggolongan kata sebelum aktiviti berkumpulan dimulakan. Sekali lagi model pemikiran induktif digunakan dalam langkah ini. Setelah penerangan guru, para pelajar dalam kumpulan masing-masing akan mengenal pasti dan menggolongkan semua perkataan berimbuhan yang terdapat dalam sebuah petikan akhbar mengikut penggolongan kata. Contohnya, para pelajar juga berbincang kesesuaian perkataan yang diklasifikasikan mengikut jenis golongan kata. Pada akhir kerja kumpulan, seorang pelajar harus tampil bagi mewakili kumpulannya sebagai pembentang di kelas.

Setelah kerja kumpulan selesai, pelajar akan melakukan lintas galeri. Semasa aktiviti lintas galeri, pembentang yang telah dilantik harus menerangkan mengapa mereka menggolongkan perkataan berimbuhan itu mengikut kategorinya. Para pelajar lain pula diminta untuk menilai setelah mendengar penjelasan pembentangan tersebut. Dalam langkah ini, pelajar diharapkan membuat kemajuan dan mempertahankan pandangan mereka.

Fasa 2 Pengukuhan: Komponen Imbuhan yang membentuk Kata Nama

Dalam fasa ini, pakej pengajaran menggunakan Model Pengajaran *Mnemonics* dan juga kaedah permainan bahasa untuk membantu pelajar mengingat konsep pengimbuhan.


Objektif utama fasa ini adalah untuk mengukuhkan pengetahuan pelajar tentang imbuhan kata nama. Di akhir fasa ini, para pelajar seharusnya boleh mengenal pasti perkataan-perkataan berimbuhan jenis kata nama. Kedua, mereka juga harus memahami bahawa imbuhan kata nama boleh dibahagikan kepada imbuhan awalan, imbuhan akhiran dan imbuhan apitan. Ketiga, pelajar mesti berupaya mengenal pasti imbuhan yang membentuk kata nama dan terakhir sekali pelajar harus dapat membentuk kata terbitan jenis kata nama dengan menggabungkan kata dasar.

Dalam fasa ini, guru memulakan pengajaran dengan meminta pelajar mengenal pasti kata terbitan jenis kata nama berdasarkan pelajaran lepas. Kemudian, guru menggunakan teknik soal-jawab untuk mendapatkan respons pelajar tentang bagaimana perkataan-perkataan berimbuhan kata nama yang telah dicam itu boleh digolongkan.

Selanjutnya, guru menunjukkan semua jenis imbuhan yang boleh digandingkan dengan kata dasar untuk membentuk kata terbitan jenis kata nama. Dalam peringkat ini, guru perlu membahagikan kesemua imbuhan ini kepada dua kumpulan iaitu kumpulan pertama merupakan imbuhan yang boleh digabungkan dengan mana-mana kata dasar tanpa perlu mengambil kira huruf pertama kata dasar tersebut. Kumpulan kedua pula merupakan imbuhan yang berubah mengikut huruf pertama kata dasar.

Dalam langkah ini, teknik ‘*first Letter mnemonics*’ digunakan untuk membantu pelajar mengingat semua imbuhan yang disebut di atas (Rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Contoh *Mnemonics*



Dalam langkah seterusnya, secara berkumpulan, pelajar akan bermain permainan yang dipanggil ‘Pukul Keldai’. Dalam permainan ini, dua kumpulan akan bersaing. Setiap kumpulan akan mendapat satu set kad yang mengandungi beberapa kata dasar. Guru kemudian akan mengedarkan satu set kad yang mengandungi imbuhan kata nama bagi setiap dua kumpulan. Objektif permainan ini adalah untuk menyemak sama ada pelajar boleh menggabungkan kad imbuhan dengan kad kata dasar dengan betul.

Kumpulan yang berjaya menggabungkan kad imbuhan dengan kad kata dasar yang betul merupakan pemenang pertarungan ini. Permainan ini bertujuan membantu pelajar menghafal imbuhan-imbuhan yang sesuai digabungkan dengan kata dasar berdasarkan huruf pertama kata dasar.

Pada peringkat akhir pelajaran, guru mengedarkan latihan imbuhan dan merumuskan pelajaran.

Fasa 3 – Aplikasi: Komponen Imbuhan yang membentuk Kata Nama

Objektif fasa ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti kata dasa yang sesuai menerima imbuhan-imbuhan kata nama berdasarkan kedudukannya dalam ayat.
2. Mencari klu yang menunjukkan sesuatu kata dasar itu boleh menerima imbuhan kata nama.
3. Membina ayat gramatis daripada perkataan-perkataan berimbuhan kata nama.

Dalam fasa ini, pengajaran menggunakan teknik menyuarakan fikiran (*Thinking out loud*) dan juga strategi pengajaran pembezaan.

Dalam fasa ini, guru menjalankan langkah pertama dengan menunjukkan proses yang berlaku di dalam fikiran semasa membuat latihan imbuhan. Guru harus menerangkan adalah penting para pelajar mengenal pasti kata dasar manakah yang boleh menerima imbuhan kata nama. Hal ini boleh dilakukan dengan mencari klu-klu yang sesuai daripada petikan atau ayat. Guru melakukan perkara ini menggunakan teknik menyuarakan fikiran (*Thinking Out Loud*) untuk menunjukkan kepada para pelajar tentang proses pemilihan imbuhan yang berlaku semasa guru membuat latihan imbuhan. Kemudian, pelajar pula melakukan perkara yang sama secara berpasangan.

Dalam langkah seterusnya, guru menggunakan teknik yang memberikan fokus kepada minat murid. Guru memberikan tiga pilihan aktiviti kepada para pelajar sebagai kerja kumpulan. Objektif setiap pilihan adalah serupa, iaitu pelajar harus membina ayat yang mengandungi sekurang-kurangnya lima perkataan berimbuhan jenis kata nama. Pilihan pertama ialah kumpulan yang boleh menulis sebuah laporan akhbar tentang personaliti terkenal yang mereka minati. Pilihan kedua ialah mereka harus melukis sebuah komik dan menyertakan dialog watak-watak dalam komik itu. Ketiga, kumpulan boleh menulis sebuah ulasan tentang sebuah filem yang mereka baru tonton.


Dapatan Kajian

Dapatan kajian dibahagikan dianalisis mengikut fasa pemerhatian bagi komponen imbuhan pada kata nama. Terdapat tiga fasa pemerhatian yang telah dijalankan oleh guru.

Dapatan Praujian

Hasil dapatan praujian menunjukkan bahawa daripada 42 orang pelajar, 66% pelajar mendapat gred <70% bagi ujian ini. Terdapat juga segelintir pelajar yang gagal dalam ujian ini, iaitu sebanyak 7% sementara 27% pula mendapat markah cemerlang >70% (Rujuk Rajah 1). Hasil dapatan praujian ini menunjukkan bahawa tidak ramai pelajar yang memperoleh markah cemerlang.

Rajah 1: Praujian



Dapatan Pemerhatian dan Analisis Tugas Individu

Dapatan yang diperolehi adalah melalui dua cara; pertama melalui pemerhatian guru dan kedua melalui analisis tugas individu. Pemerhatian dan analisis ini berlaku pada setiap fasa. Berikut ialah butiran-butiran serta dapatan yang telah dikumpulkan oleh guru-guru pemerhati pada setiap fasa.

Jadual 2: Pemerhatian Fasa 1

No	Butiran Pemerhatian	Bukti
1.	Pelajar dapat membezakan Kata dasar daripada kata terbitan.	Semua pelajar berupaya mengenal pasti perkataan terbitan daripada teks.
2.	Pelajar dapat menggolongkan kata terbitan mengikut golongan kata yang betul.	Timbul kekeliruan daripada dua pelajar kerana menganggap bahawa tugas meminta mereka mencari dan menggolongkan semua perkataan mengikut jenis. Namun, kedua-dua pelajar berupaya melakukan tugas dengan sangat baik setelah salah faham diperbetul. Para pelajar yang lain pula dapat melakukan tugas dengan sangat baik.
3.	Pelajar mengikuti pengajaran dengan penuh minat.	Pelajar khusyuk mengikuti pengajaran guru. Empat pelajar kerap bertanya soalan untuk menjelaskan lagi pemahaman mereka. Semasa kerja kumpulan dijalankan, semua pelajar kelihatan khusyuk untuk menyelesaikan tugas berkumpulan dan membantu melatih pembentang yang bakal membentang semasa lawatan galeri.

Jadual 3: Pemerhatian Fasa 2

No	Butiran Pemerhatian	Bukti
1.	Para pelajar boleh mengenal pasti perkataan-perkataan berimbuhan jenis kata nama.	Semasa guru menjalankan langkah ulang kaji pelajaran lepas, para pelajar berupaya mengingat fakta yang telah dipelajari dengan semua pelajar mampu menjawab soalan yang diajukan guru. Ini termasuk juga pelajar lemah yang berjaya menjawab soalan yang ditanya oleh guru.
2.	Para pelajar berupaya mengecam imbuhan-imbuhan yang membentuk kata nama.	Model pengajaran <i>mnemonics</i> yang diperkenalkan kepada pelajar sangat membantu dalam proses pengecaman ini. Pelajar begitu seronok membantu guru mencipta <i>mnemonics</i> yang sesuai sehingga mereka mampu mengingat semua imbuhan yang boleh digandingkan dengan huruf-huruf pertama kata dasar tertentu. Hal ini ketara sekali di akhir pelajaran semasa guru meminta pelajar meluahkan semula semua <i>mnemonics</i> yang telah tercipta. Ini termasuklah pelajar yang lemah turut berupaya mengutarakan semua <i>mnemonics</i> tanpa masalah.
3.	Pelajar dapat membentuk kata terbitan jenis kata nama dengan menggabungkan kata dasar pada imbuhan yang tepat berdasarkan huruf pertama kata dasar tersebut	Permainan bahasa yang diperkenalkan membuat pelajar begitu seronok dan teruja kerana mereka ingin menang. Mereka membuat strategi secara berkumpulan untuk mengenal pasti semua imbuhan yang diperlukan bagi kad kata dasar yang mereka terima supaya dengan mudah mereka dapat mengambil kad imbuhan yang mereka perlukan nanti.

Jadual 4: Pemerhatian Fasa 3

No	Butiran Pemerhatian	Bukti
1.	Pelajar dapat mengenal pasti kata dasar yang sesuai menerima imbuhan-imbuhan kata nama berdasarkan kedudukannya dalam ayat.	Semua pelajar berupaya mengecam kata dasar yang sesuai menerima imbuhan kata nama berdasarkan konteks ayat.
2.	Pelajar dapat mencari klu yang menunjukkan sesebuah kata dasar itu boleh menerima Imbuhan kata nama.	Pelajar berjaya menyerlahkan klu dan panduan yang mereka dapatkan dalam ayat bagi mencari jawapan.
3.	Pelajar dapat membina ayat-ayat gramatis daripada perkataan-perkataan berimbuhan kata nama. Pelajar dapat menggabungkan kata dasar pada imbuhan yang tepat berdasarkan huruf pertama kata dasar tersebut.	Pelajar berasa seronok dapat memilih aktiviti berkumpul yang mereka inginkan. Setiap kumpulan berjaya membina ayat-ayat yang mengandungi imbuhan kata nama. Dua kumpulan malah menggunakan bahan peribadi seperti gambar penyanyi kegemaran mereka sebagai sebahagian daripada kerja kumpulan mereka.

Secara keseluruhan daripada pemerhatian yang telah dijalankan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menunjukkan reaksi yang positif terhadap Pakej Pengajaran Imbuhan Kata Nama yang telah mereka lalui selama tiga minggu. Pakej tidak banyak diubah selepas pengajaran pertama kerana didapati bahan yang tersedia cukup menarik bagi para pelajar.

Jadual berikut pula menunjukkan prestasi pencapaian pelajar bagi tugas individu selama tiga minggu Pakej tersebut dijalankan. Tugas pelajar dianalisa setelah diperiksa. Tugas-tugas ini kemudian dibahagikan kepada empat golongan seperti yang tertera dalam Jadual 5.

Jadual 5: Analisis Pencapaian Pelajar dalam Tugas Individu


Pencapaian terlalu jauh di bawah matlamat. (Gred= Gagal)	Pencapaian hampir mencapai matlamat (Gred= 50-69%)	Pencapaian dapat memenuhi matlamat (Gred= 70%-75%)	Prestasi melangkaui matlamat (Gred = 76 >)
0 pelajar 0%	3 pelajar 7%	25 pelajar 60%	14 pelajar 33%

Dapatan kajian ini menunjukkan tiga orang pelajar yang lemah dan gagal praujian kini berjaya menunjukkan kemajuan dengan lulus tugas individu mereka. Selain itu, jumlah pelajar yang cemerlang juga telah meningkat daripada 11 orang pelajar kepada 14 orang pelajar. Bagi 25 orang pelajar pula, mereka kini berjaya memenuhi matlamat, iaitu sekurang-kurangnya mencapai gred 70%-75% dalam tugas mereka.

Dapatan Pacaujian

Di akhir tiga minggu, para pelajar menduduki pascaujian. Ujian ini dijalankan bagi memantau prestasi pelajar secara keseluruhan setelah komponen pertama dilakukan. Namun, perlu diingatkan bahawa hanya komponen imbuhan kata nama sahaja yang telah diuji. Rajah 3 ialah hasil yang boleh dilihat daripada ujian dan tinjauan yang dijalankan.

Rajah 3: Prestasi Pelajar dalam Pascaujian



Berdasarkan dapatan ini, prestasi pelajar telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan. Daripada hanya 27% pelajar cemerlang, kini telah meningkat kepada 60%. Tiga pelajar yang pada mulanya gagal kini telah berjaya lulus dalam komponen imbuhan kata nama.

Kesimpulan

Dengan menyediakan Pakej Imbuhan ini, guru berupaya menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berstruktur, berkesan dan menyeronokkan. Aktiviti-aktiviti yang diadakan telah dapat membantu guru meningkatkan mutu pengajaran dan mencuba kaedah-kaedah baharu.

Namun guru juga menghadapi cabaran semasa menyiapkan pakej yang sistematik dan dapat memantau pencapaian pelajar secara bertahap. Oleh itu, guru telah membahagikan pakej ini kepada tiga komponen dan setiap komponen dibahagikan lagi kepada tiga fasa. Setiap fasa sebenarnya bertujuan untuk membina kemampuan pelajar secara bertahap dengan setiap tahap diakhiri dengan tugas individu bagi mengukur keberkesanan sesuatu fasa itu.

Kajian Pengajaran membolehkan pakej ini dihasilkan secara kolaboratif. Ini membolehkan pakej ini terhasil dengan begitu baik sehingga pengubahsuaian hanya berlaku pada tahap yang minimum dan selalunya berpusat kepada hanya menukar urutan langkah dalam pengajaran.

Pencapaian dan minat pelajar yang baik telah memberikan rangsangan kepada para pengkaji untuk menghasilkan pakej pengajaran bagi komponen seterusnya.

Rujukan

Catherine C Lewis (2011). *Lesson Study Step by Step*. Portsmouth NH. Heinemann Publications.

Ernie Jacinta Jamaludin, Haniza Abdul Manan dan Siti Asnah Basir. Kajian Pengajaran: Pengajaran Dan Pembelajaran Imbuhan ‘men- ...-i’ dan ‘men-...-kan’. Dipetik pada 10 Mac 2012 dari - http://www.mlcs.sg/home/images/MLCS_Gallery/seminar2011/paper20%20%20k2%20kertas%20kerja%20guanyang%20sec%20final.pdf

Haji Khaidir Bin Haji Othman (2009) Kajian Tindakan-Meningkatkan Penggunaan Imbuhan ‘Men-’ Dalam Kalangan Murid Tingkatan Satu. Dipetik pada 13 Mac 2012 dari: <http://hajikhaidir.blogspot.com/2009/11/kajian-tindakan-meningkatkan-penggunaan.html>

Hameelah Adnan (2012) Meningkatkan Penguasaan Penggunaan Imbuhan Awalan, Akhiran dan Apitan Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Menggunakan Kaedah Imlak. Dipetik pada 10 Mac 2012 dari <http://www.slideshare.net/hajizul/lampiran-kajian-tindakan>

Jon Saphier, Mary Ann Haley-Speca dan Robert Gower (2008) *The Skillful Teacher* (6th Edition). Acton, MA. Research For Better Teaching, Inc.

Nik Safiah Karim (1997) *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.